

Headline **Banteras gejala salah guna dadah perlu pendekatan baru**  
Date **06. Apr 2009** Language **MALAY**  
Media Title **Berita Harian** Page No **28**  
Section **Nasional** Article Size **196** cm2  
Circulation **192917** Frequency **Daily**  
Readership **1521000** Color **Black/White**  
AdValue **2676.14**



## Banteras gejala salah guna dadah perlu pendekatan baru

**S**EJAK awal 1980-an, kerajaan mengisytiharkan dadah sebagai musuh negara nombor satu.

Kini selepas suku abad berlalu, jumlah penagih dadah sama ada baru atau berulang tidak banyak berubah.

Keadaan itu menggambarkan usaha yang sudah dan sedang dijalankan serta peruntukan berjuta-juta ringgit masih gagal mengatasi masalah penyalahgunaan dadah.

Sehubungan itu, keupayaan mencapai wawasan untuk membebaskan negara dari dadah pada tahun 2015 dilihat masih samar-samar.

Penyalahgunaan dadah adalah satu fenomena sosial yang rumit.

Masalah itu sudah terlalu lama dibincangkan dan pelbagai tindakan diambil, namun sehingga kini masih ti-

dad menampakkan hasil yang memuaskan.

Penyalahgunaan dadah adalah masalah rumit kerana kepelbagaian dari segi faktor yang menyumbang dan kesannya yang serius.

Orang ramai dilihat masih sukar untuk menerima bekas penagih sebagai sebahagian daripada anggota masyarakat.

Belia berusia 19 hingga 39 tahun adalah kumpulan masyarakat yang paling ramai iaitu 42.54 peratus atau 11.12 juta daripada jumlah penduduk.

Mereka juga adalah golongan paling ramai menjadi penagih.

Menurut sumber Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK), pada 2008 didapati 8,569 penagih baru dikesan adalah belia dan remaja berumur antara 13 hingga 39 tahun.

Masalah dadah terus menjadi penyakit sosial yang mengancam keselamatan keluarga, masyarakat dan negara.

Penyalahgunaan dadah ter utama kalangan remaja juga berkait rapat dengan gejala sosia lain seperti HIV/Aids, lumba haram, meragut, perjudian, pelacuran dan lepak.

Jika masalah penyalahgunaan dadah dibiarkan berterusan, ia boleh mengugut hasrat kerajaan untuk menjadi sebuah negara maju.

Untuk merealisasikan hasrat menjadi negara yang bebas dadah menjelang 2015, kerajaan disaran segera mengadakan seminar kebangsaan bagi membincangkan isu dadah secara menyeluruh bagi tujuan merangka pelan bertindak yang memumabait semua lapisan masyarakat.

Segala kelemahan dan kekurangan kaedah menangani penyalahgunaan dadah perlu segera dikenal pasti dan strategi tambahan untuk memantapkan kaedah sedia ada yang perlu segera diwujudkan.

Tarikh untuk merealisasikan wawasan negara bebas dadah tidaklah begitu penting.

Yang penting ialah perlunya usaha lebih berkesan lagi menyeluruh ke arah membebaskan negara daripada penyalahgunaan dadah.

Jika kita mampu berganding bahu bersama-sama memainkan peranan secara berkesan, negara akan bebas dari penyalahgunaan dadah suatu hari nanti.

**DR SHAFUL  
ANUAR KHALID,  
UITM Perlis, Perlis.**